

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Memperssembahkan TEATER EKSPERIMEN



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

SILANG TATA

Arahan

MARLIA MUSA

...Melangkah ke hadapan bersama tradisi



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

AKADEMI SENI KEBANGSAAN
mempersembahkan
TEATER EKSPERIMEN

SILANG KATA

arahan

MARLIA MUSA

Lakonan

MOHD SHAHRUL MIZAD ASHARI
YUNIE NORLEITEY
MARDIANA ISMAIL
WAN KANARI IBRAHIM
AZIZI MOHD SAID

Undangan Khas

SABRI YUNUS

4- 6 JULAI 2003

PEMENTASAN TEATER EKSPERIMEN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Dengan Kerjasama

JABATAN MUZIUM & ANTIKUITI

Kata Sambutan

Ketua Program Teater

AKADEMI SENI KEBANGSAAN



Teater Eksperimen, sebagaimana ia diberi nama, lazimnya berbentuk percubaan-percubaan dari segi bentuk dan gaya pementasan yang kadang-kadang dipengaruhi juga oleh sesuatu aliran. Justeru itu genre ini biasanya terhasil daripada "ujikaji makmal" yang mungkin kelihatan masih belum begitu mantap. Bagaimanapun ia tetap dianggap sebagai sebuah persembahan "sempurna" yang bukan sahaja berdasarkan skrip lengkap, tetapi membabitkan perancangan, persiapan dan latihan yang rapi.

Kali ini Akademi Seni Kebangsaan mempersembahkan sebuah lagi Teater Eksperimen berjudul Silangkata, yang berdasarkan "kerja kursus" para pelajar tetapi dijayakan oleh para pelakon undangan. Ini juga merupakan suatu percubaan untuk melihat sejauh mana idea para pelajar dapat ditafsirkan dalam bentuk pementasan oleh mereka yang lebih berpengalaman dalam bidang lakonan. Percubaan seperti ini diharapkan akan menjadi suatu bentuk penilaian terhadap proses merealisasikan idea dan akhirnya akan memberikan manfaat kepada para pelajar Program Teater sendiri.

Tahniah kepada pengarah, para pelajar, pelakon dan tenaga produksi yang terlibat dalam pementasan Silangkata ini. Semoga usaha seperti ini akan membantu memantapkan lagi proses pembelajaran semua pelajar yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

ZAKARIA ARIFFIN

Sinopsis

SILANG KATA

SETANDAN pisang tidak sama masaknya. Ada yang dahulu dan ada yang kemudian. Tidak semuanya pula baik, sama ada kulit atau isinya. Tidak terkecuali juga ada yang dirosakkan oleh serangga, unggas atau mergastua. Ia tertakluk pada fitrah dan sistem alam yang lumrah.

Kehidupan manusia sekeluarga banyak persamaannya dengan setandan pisang. Tidak dapat diduga sisir yang mana akan baik ranumnya, atau buah yang mana akan busuk dimakan unggas. Menjelang ranumnya, setiap sisir atau buah akan berhadapan dengan anasir alam atau makhluk lain jadian Tuhan yang pelbagai itu. Gangguan, ancaman atau pengaruh persekitaran sentiasa bersedia untuk meusnahkan mana-mana buah, sejak mula berputik hinggalah menjelang masaknya. Hanya kekuatan dan ketahanan diri sahaja yang mampu mengekalkan kesegaran setiap sisir, memungkinkan ranum dengan baik dan sempurna.

SILANGKATA merupakan suatu pemaparan permasalahan manusia daripada satu keluarga besar. Setiap ahli keluarga berhadapan dengan kemelut masalah peribadi mereka yang tersendiri. Masalah itu kelihatan amat peribadi dan individualistik sekali. Pada mulanya memang begitu anggapan mereka. Tetapi apabila setiap masalah individu itu 'bertemu', ia membentuk satu masalah keluarga yang lebih besar, saling kait mengait dan semakin kusut serta rumit pula jadinya. Masalah ini akhirnya terpaksa diselesaikan bersama-sama...

Senarai Pelakon

Pelakon Utama

MOHD SHAHRUL MIZAD ASHARI
YUNIE NORLEITEY
MARDIANA ISMAIL
WAN KANARI IBRAHIM
AZIZI MOHD SAID

Undangan Khas

SABRI YUNUS

Korus

FATIN ERNA SIREGAR A. TAMIMI
JAMALIAH AZMAN
KU MD. YUSRI KU ABD. RAHMAN
MOHD NURUL HAZIRIN
NOR SAHLINA MOHD SHAH
WAN NABILA MAT IZAM
ISMADIAN ISMAIL
NIK NUR AZLINA NIK IBRAHIM
MOHD FAIRUZ MOHD TAUHID
AMIRA SARIYATI MOHD HATTA



pelakon



pelakon • pengarah



pelakon • pengarah • Korus

Pengarah

SILANG KATA

MARLIA MUSA

Pelakon yang bermula di televisyen sejak dibangku sekolah (usia 8 tahun) lagi ini lahir di Johor Bahru pada 12 Jun 1969. Mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam Seni Persembahan di Middlesex University, London sejak beberapa tahun lalu bertugas sebagai pensyarah sambilan di ASK. Diperkenalkan diarena seni melalui siri Drama Minggu ini (RTM) berjudul *Tiada Maaf Bagimu*. Kemudian banyak sekali berlakon dalam drama-drama terbitan RTM, kemudiannya melalui siri-siri sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dan *Kelas Malam*. Filem pertama ialah *Sesejuk Airmata Ibu* (1980), sebelum berlakon dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Puteri*. Pertama kali berlakon di atas pentas teater melalui *Pandangan dari Sebuah Jambatan* (1987). Lakonannya yang lain di dalam teater ialah *Malam Gelap di Bukit Damansara* (1991) dan *Imam* (1999). Sebagai Pengarah pernah mengarahkan *Imbas* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Kini banyak meminjamkan suara untuk iklan radio dan televisyen.



Pelakon

MOHD SHAHRUL MIZAD ASHARI

Berusia 30 tahun dan di lahirkan di Muar Johor. Pemuda yang memiliki pelbagai kebolehan ini mempunyai azam yang kuat untuk bergiat aktif sebagai karyawan teater. Bakat beliau boleh dilihat melalui banyak pementasan samada sebagai pelakon, pereka set ataupun pengurus pentas. Sejak lulus dari ASK beliau terlibat secara profesional sebagai pelakon pentas di dalam produksi-produksi seperti berikut *Keris Sang Puteri* arahan Rahim Razali, *Puteri Saadong*, *Raden Galoh* arahan Rosminah Tahir, *Proses* dan *IV Monodrama Lembu* arahan NamRon, *Monodrama 3 Lives* arahan Krishen Jit, *Spill Gravy on Rice* arahan Zahim Al-Bakri, *Mimpi Di Malam Panas* arahan Rohani Yusoff dan *Bangsawan Menjunjung Duli* arahan Rahman B manakala dalam pengurusan pula beliau terlibat di dalam produksi-produksi yang dipentaskan di Istana Budaya, Auditorium DBKL, Actor's Studio dan MTC. Kini beliau bertugas sebagai tutor sambilan di ASK selain bergerak secara bebas sebagai pelakon dan pekerja pentas.



WAN KANARI IBRAHIM

Lulusan Diploma Teater 2000 ini sering menjayakan pementasan teater sebagai pelakon dan pengurusan pentas. Memilih lakonan sebagai pengkhususannya dan ini dibuktikan melalui beberapa projek lakon anjuran ASK dan beberapa produksi luar seperti teater *Anugerah* terbitan Utusan Malaysia, *Julius Caesar* arahan Marzuki Ali, *Wira Bukit* arahan Ahmad Yatim, *Siti Zubaidah* arahan Zakaria Ariffin manakala telemovie yang dijayakan ialah *Kuartet Merdeka* dan *Diari*. Wan Kanari juga turut aktif sebagai pekerja belakang tabir seperti Penolong pengarah III untuk filem *Paloh* arahan Adman Salleh, Pengurus pentas bagi *Bangsawan Badan Warisan*, *Mimpi Di Malam Panas*, *Alang Rentak Seribu*, *Puteri Saadong* dan persembahan *Makyung* sempena LIFA 2002. Kini Wan Kanari bergerak secara bebas sebagai pelakon dan pekerja belakang tabir untuk filem, Tv dan teater.



Pelakon

SILANG KATA

MARDIANA ISMAIL

Memasuki ASK pada tahun 1996 dan bermulalah langkah pertama sebagai anak seni. Lulusan ASK tahun 2001 ini telah melibatkan diri di dalam pelbagai persembahan teater dan TV samada anjuran ASK atau produksi luar. Antaranya ialah *Raden Galoh* arahan Rosminah Tahir, *Nyiur Gading Puncak Mahligai* arahan Kalam Hamidi, *Manchester United* and *The Malay Warrior* arahan Krishen Jit, *Oii! Yang Di Atas Sana* arahan Samoza, *Suluh Peraba* arahan Rahman Saari, *Pandirnya Si Pandir* arahan Khalid Salleh dan *Syakuntala* arahan Wisran Hadi manakala produksi TV adalah sitcom *Al-Kisah*, *Salam Pantai Timur*, telemovie *Air Mata Pak Dogol* arahan En Zain dan *Keranamu Mas Intan* arahan Fauziah Ahmad Daud. Walaupun mengambil pengkhususan dalam lakonan, beliau turut terlibat sebagai pengurus pentas, penolong pengarah dan pengurus produksi untuk produksi Cindai di Istana Budaya, Anugerah di DBKL, Hamlet di Actor's Studio dan beberapa lagi. Bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan kini merupakan tutor sambilan di ASK.



Pelakon

AZIZI MOHD SAID

Merupakan pelajar teater kumpulan pertama ASK dan kini menunggu untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Drama) Universiti Malaya. Semasa di ASK beliau juga turut mengambil pengkhususan dalam lakonan dan ini ditunjukkan melalui projek lakonnya iaitu monodrama *Di Bawah Lindungan Kaabah* arahan Marlia Musa. Sejak meninggalkan ASK, Azizi terus aktif dalam produksi teater seperti *Bangsawan Tengku Anum*, *Anugerah*, *Lantai T.Pinkie* dan *Malam Haram* arahan Rosminah Tahir, *Mencari Juita* arahan Siti Rohayah Attan, *Death Of A Salesman* arahan Roselina Khir Johari, *Cinta Sumirang* arahan Syed Halim Syed Nong, *Puteri Li Po* arahan Rahmah Bujang, *Scorpion Orchid* arahan Krishen Jit dan Joe Hafsham, *Uda dan Dara In English* arahan Ahmad Yatim dan *Main-main Teater* arahan Namron. Selain itu beliau turut terlibat dalam produksi TV arahan Fauziah Ahmad Daud, Azmi Hatta dan Teck Tan. Azizi juga pernah mengacarakan rancangan *Raudhah* terbitan Astro dan *Tilisan Budi*.



Pelakon

SILANG KATA

YUNIE NORLEITY BACHOK @ YUNUS

Anak kelahiran Benut Johor ini meminati bidang seni sejak dibangku sekolah di mana beliau menganggotai kumpulan tarian sekolah. Sepanjang 4 tahun di ASK, beliau telah menghasilkan karya-karya tari seperti *'Hakikat-Hakiki'*, *'Sakti'*, *'Jan-Jan Jala'*, *'When I Fall in Love'*, dan *'Transmutasi'*. Selain itu beliau turut menjadi pembantu koreografer bagi persembahan Mak Yong Kanak-Kanak *'Raja Pencil'*.

Beliau juga terlibat sebagai penari di bawah bimbingan koreografer terkenal Suhaimi Magi dan Josepsh Gonzales melalui karya mereka seperti *'AKAR'*, *'AWAS'*, dan *'PUTERA'*. Beliau juga turut menjayakan persembahan tarian di Spain International Folk Dance Festival dan Brunei. Di dalam bidang lakonan, beliau turut mengutip pengalaman melalui pengarah seperti U-Wei Hj. Shaari, A.Samad Salleh, Wahab Hamzah, Normah Nordin, Zakaria Ariffin, Rosminah Tahir, Fauziah Nawi dan banyak lagi. Dalam persembahan teater tradisional pula seperti *Siri*

Pementasan Mak Yong, Bangsawan 'Raja Laksamana Bentan', *'Haris Fadillah'*, *'Bendahara Garang Perak'*, *'Alang Buana'* dan lain-lain. Kini beliau melangkah maju dengan menceburi bidang lakonan drama TV dan iklan di bawah arahan Norhalim Ismail, Z. Lokman, Yusof Nawi, Jach Ad'din, Ahmad Ibrahim dan ramai lagi.



Panel Skrip



Dari belakang:
Subir Che Selia • Ismaliza Ismail • Saiful Bakhtiar Shaaban • Suzita Enis •
Roslina Ismail (duduk) • Mirza Riadane Mohd Nor (depan)

Tenaga Produksi

SILANG KATA

Penerbit

Puan Hajjah NOORSIAH HAJI SABRI

Penerbit Eksekutif

Cik NORIZAH ARSHAD

Penasihat

Encik ZAKARIA ARIFFIN

Penyelaras Projek

Encik MOHD KAMARULZAMAN TAIB

Pen. Penyelaras Projek

Cik BALKIS OMAR

Pengarah

MARLIA MUSA

Adaptasi Skrip

SAHILI ABDAN

Pengarah Teknik / Pengurus Pentas

NOOR ASZILA ABAS

Pen. Pengurus Pentas

MD. EYZENDY AB. AZIZ

Pereka Set

Encik HAMZAH TAHIR

Pereka Kostum /Wardrober / Penata

Rias

ROSMAN ISHAK

Pembantu

NOR SAHLINA MOHD SHAH

WAN NABILA HIZAM

Pengarah Teknikal

AZIZUL ZAHID JAMAL

Pembantu Pentas / Teknikal

SALLEHUDDIN ABU BAKAR

ROSDI ABDULLAH

MOHD ADIKA ZAINAL

AZRUL AZHAR A. ZUBIT

INTAN RAFINA RAMLAN

Ahli Jawatankuasa Kecil Pementasan Teater Ekperimen

Pengemul

Hajjah NOORSIAH SABRI

Pemangku Pengarah Akademi Seni

Kebangsaan

Timbalan Pengerusi

Cik NORIZAH ARSHAD

Timbalan Pengarah Pengurusan dan

Pendaftaran

Akademi Seni Kebangsaan

Setiausaha

ZAKARIA ARIFFIN

Penolong Setiausaha I

MOHD KAMARULZAMAN TAIB

Penolong Pengarah I Program Teater

Penolong Setiausaha II

BALKIS OMAR

Penolong Pengarah II Program Teater

Ahli Jawatankuasa Kecil Pementasan Teater Ekperimen

SILANG KATA

Publisiti dan Pemasaran

MOHAMAD RAIZULI MAT JUSOH
AKMAL KUDUNG
FAZLI CHE RUS
NOORAIZAN MAMAT
SALMAH OSMAN
ZUZAIRI OTHMAN

Kewangan

NORALIZA AHMAD
ZAILIENA MOHD RAZALI
WAN SOLEHAH WAN SALLEH
MU'AZZAH MALEK
ADDLY ABDUL KARIM
INTAN ROZAINA ZULKIFLI

Teknikal dan Dokumentasi

ABDUL RAZIK RADJAIL
HAJI WAN MANSOR YUSOFF
JALI NAZRI JAAFAR
FAIZUL JOHAN
SAIFULIZAM HARUN
AHMAD AZUDDIN YUSOFF
UNIT PENGURUSAN AUDITORIUM
MUZIUM & ANTIKUITI

Logistik dan Pengangkutan

RAIS HUSIN
SULAIMAN MAMAT
ISMAIL MOHAMED HASHIM
NORZIAH MAJID
MUZAFFAR SHAH AHMAD JAIS
ZAMRI MOHAMAD
SABRI MAHMUD
MOHD AFEENDI RAMBLI

Aktiviti-aktiviti Program Teater Sepanjang Tahun 2003

Bengkel Lakonan Lanjutan 2003

Januari – Negeri Perak

Februari – Negeri Melaka

Mac – Sabah

Mei – Perlis dan Terengganu

Jun – Pahang

Julai – Sarawak

Ogos – Pulau Pinang

September – Kedah

Oktober – Labuan, Sabah

iv Monodrama

25-28 Julai 2003

Auditorium Muzium Negara

Teater Moden

18-20 Ogos 2003

Auditorium Tunku Abdul Rahman

Pusat Pelancongan Malaysia (MTC)

Teater Klasik

"Si Yatim Chao"

5-8 September 2003

Auditorium Tunku Abdul Rahman

Pusat Pelancongan Malaysia (MTC)

Bengkel Lakon IPT

12-14 September 2003

Kuala Lumpur



Terima Kasih

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN MALAYSIA
JABATAN MUZIUM & ANTIKUITI
PIHAK MEDIA TEMPATAN
TENAGA PENGAJAR DAN PARA PELAJAR ASK**

dan semua pihak, sama ada berkumpulan atau perseorangan
yang telah membantu melaksanakan
Pementasan Teater Eksperimen 2003
Akademi Seni Kebangsaan.



Akademi Seni Kebangsaan
Aras 33, Empire Tower, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2164 9180 • Fax : 03 - 2164 9186
<http://www.mocat.gov.my>